

**PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN E-MODUL
UNDANG-UNDANG KONTRAK BERASASKAN
GAYA PEMBELAJARAN VARK: SUATU KAJIAN
KES**

ROHANI BINTI MM YUSOFF

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN E-MODUL
UNDANG-UNDANG KONTRAK BERASASKAN
GAYA PEMBELAJARAN VARK: SUATU KAJIAN
KES**

oleh

ROHANI BINTI MM YUSOFF

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

September 2018

PENGHARGAAN

Bismillahirabbilalamin

Alhamdulillahahirabbil ‘Aalamin dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan rahmat dan hidayahNya jualah saya dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Selawat dan salam juga diatitkan kepada nabi besar Muhammad SAW. Di kesempatan ini saya mahu mengambil peluang ini untuk merakamkan jutaan terima kasih yang ikhlas kepada penyelia utama saya iaitu Profesor Madaya Dr. Saw Kim Guan atas bimbingan, tunjuk ajar yang bersungguh-sungguh kritikan yang membina dan kesabaran serta keperihatinan beliau dalam menggalakkan saya sepanjang perjalanan menyiapkan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan banyak membantu saya dalam menjayakan tesis ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan pada Prof. Dr. Rozhan M. Idrus sebagai penyelia kedua saya yang banyak memberi dorongan, sokongan serta tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan tesis ini.

Terima kasih juga dirakamkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi kerana memberi cuti tanpa rekod kepada pelajar separuh masa seperti saya. Tidak ketinggalan juga pada para pensyarah dan pelajar-pelajar yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses merealisasikan tesis ini.

Juataan terima kasih diucapkan kepada suami tercinta Syed Abdul Kadir Syed Mohd yang telah memberikan motivasi untuk terus bersemangat serta anak-anak saya Sharifah Nabilah, Mohamed Amirul Adli, Syarifah Nadhirah dan Mohamed Amirul Hazeeq yang sentiasa berada disamping tanpa berasa jemu, tidak

lupa juga kepada kedua arwah ibu dan ayah ku yang sentiasa mendoakan kejayaan dunia dan akhirat buat kami sekeluarga, serta kesemua abang, adik dan rakan-rakan yang sentiasa memberi kata-kata semangat pada saya.

Saya mengharapkan semoga Allah SWT membalas kebaikan kepada semua pihak yang memberikan bantuan dalam menjayakan tesis ini. Aamiin

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	II
Isi Kandungan	IV
Senarai Jadual.....	VIII
Senarai Rajah	X
Senarai Singkatan Kata	XIII
Abstrak	xiii
Abstract	xiii
BAB 1 – PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Perkembangan Teknologi Internet dan Digital	1
1.3 E-Pembelajaran	6
1.4 Reka Bentuk Pengajaran	11
1.5 Gaya Pembelajaran.....	12
1.6 Pernyataan Masalah.....	15
1.7 Persoalan Kajian.....	18
1.8 Objektif Kajian	19
1.9 Kepentingan Kajian.....	19
1.10 Batasan Kajian.....	21
1.11 Kerangka Persembahan Tesis	21
1.12 Rumusan	23
BAB 2 – TINJAUAN KAJIAN	25
2.1 Pengenalan	25

2.2	Pengintegrasian Teknologi Dalam Pendidikan	25
2.3	Teori Pembelajaran	29
2.3.1	Teori <i>Connectivism</i>	30
2.3.2	Teori Pembelajaran Konstruktivisme.....	37
2.3.3	Teori Pembelajaran Behaviorism.....	46
2.3.4	Teori Pembelajaran Kognitif.....	49
2.4	Pembangunan E-Modul Pengajaran	53
2.5	Keberkesanan E-Modul.....	55
2.6	PDP Modul Undang-Undang Kontrak	56
2.7	Gaya Pembelajaran.....	59
2.7.1	Teori Pembelajaran Konstruktivisme.....	60
2.7.2	Model Honey Dan Mumford.....	61
2.7.3	Gaya Pembelajaran Berasaskan <i>VARK</i>	62
2.7.4	Gaya Pembelajaran Pelajar Dan Strategi Pengajaran.....	65
2.8	Model Reka Bentuk Pengajaran	66
2.9	Reka Bentuk Model Pengajaran Addie	71
2.9.1	Analisis.....	73
2.9.2	Reka Bentuk	74
2.9.3	Pembangunan	75
2.9.4	Implementasi	75
2.9.5	Penilaian.....	76
2.10	Rasional Pemilihan Model ADDIE.....	77
2.11	Rumusan.....	78
BAB 3- METHODOLOGI.....		81
3.1	Pengenalan	81
3.2	Fasa-Fasa Utama Kajian ini	81

3.3	Kerangka Konsep Kajian	83
3.3.1	Analisis Keperluan	85
3.4	Reka Bentuk E-Modul.....	89
3.4.1	Kandungan kursus	89
3.5	Kaedah Dan Model Pembangunan Reka Bentuk Pengajaran	101
3.6	Teori Dan Strategi Pembelajaran	103
3.7	Faktor Gaya Pembelajaran	104
3.7.1	Soal Selidik ‘VARK’	104
3.8	Media.....	107
3.9	Maklum Balas Tentang E-Modul Undang-Undang Kontrak Dalam Fasa Pembangunan	109
3.10	Instrumen Kajian	114
3.10.1	Kesahihan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian.....	115
3.11	Penilaian Keberkesanan E-Modul Undang-Undang Kontrak	126
3.12	Pensampelan.....	129
3.13	Rumusan.....	133
BAB 4- DAPATAN KAJIAN: PEMBANGUNAN E-MODUL.....		134
4.1	Pengenalan	134
4.2	Analisis Keperluan	136
4.2.1	Dapatan kajian daripada responden pelajar.....	137
4.2.2	Rekabentuk E-Modul	145
4.2.3	Pembangunan E-Modul.....	146
4.2.4	Pembangunan Video-video E-Modul.....	172
4.2.5	Pembangunan Video-video E-Modul.....	200
4.2.6	Penilaian Keberkesanan Pembangunan E-Modul	205
4.2.7	Implementasi e-Modul	207
4.3	Rumusan	207

BAB 5- DAPATAN KAJIAN: ANALISIS PERSEPSI KEBERKESANAN E-MODUL DAN PENILAIAN KEBERKESANAN E-MODUL.....	209
5.1 Pengenalan	209
5.2 Analisis Persepsi Keberkesanan E-Modul Undang-Undang Kontrak.....	209
5.3 Penilaian Keberkesanan E-Modul Undang-Undang Kontrak Dengan Ujian Pra Dan Ujian Pasca	217
5.4 Rumusan.....	221
BAB 6- PERBINCANGAN DAN KAJIAN LANJUT.....	223
6.1 Pendahuluan	223
6.2 Analisis Keperluan Pelajar	224
6.3 Analisis Keperluan Pengajar	224
6.4 Gaya Pembelajaran Pelajar.....	225
6.5 Pembangunan E-Modul Dengan Menggunakan Proses Model Addie.....	226
6.6 Penilaian Keberkesanan E-Modul.....	227
6.7 Implikasi Kajian	228
6.8 Cadangan Kajian Lanjutan	229
RUJUKAN	231
SENARAI PENERBITAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Jadual Pelan Pelaksanaan Infrastruktur dan Infostruktur dari 2015-2025	2
Jadual 1.2 Jadual Pelan Pelaksanaan Pedagogi Dalam Talian dari 2015-2020	4
Jadual 1.3 Pelan Pelaksanaan e-Kandungan dari 2015-2020	5
Jadual 1.4 Purata markah mengikut topik Undang-undang perniagaan	16
Jadual 2.1 Perkembangan Kemunculan Teknologi dan Implikasi Terhadap Pendidikan	26
Jadual 2.2 Statistik Penggunaan Internet Mengikut Negara	34
Jadual 2.3 Statistik Penggunaan Internet di Malaysia	35
Jadual 3.1 Item untuk kajian Analisis Keperluan	87
Jadual 3.2 Masalah Pembelajaran Modul Undang-undang Kontrak Yang Dihadapi oleh Pelajar-Pelajar	88
Jadual 3.3 Item Soal selidik untuk responden pengajar Undang-undang Kontrak	88
Jadual 3.4 Item untuk maklum balas semasa pembangunan e-Modul	110
Jadual 3.5 Aliran Proses Maklum balas dan penambahbaikan E-Modul Undang-undang Kontrak	113
Jadual 3.6 Julat Alpha dan tahap konsistensi dalaman	119
Jadual 3.7 Item Penilaian Keberkesanan Pembangunan Laman e-Modul Undang-undang Kontrak (Bahagian A)	122
Jadual 3.8 Item Penilaian Keberkesanan Pembangunan Laman e-Modul Undang-undang Kontrak (Bahagian B)	123
Jadual 3.9 Aliran proses Ujian Pra dan Pasca e-Modul Undang-undang Kontrak	127
Jadual 3.10 Rumusan bilangan responden pelajar untuk peringkat-peringkat kajian	131

Jadual 4.1	Deskripsi responden pelajar (n=228)	137
Jadual 4.2	Dapatan kajian analisis keperluan pelajar Undang-undang Kontrak	138
Jadual 4.3	Masalah pembelajaran Undang-undang Kontrak pelajar ...	141
Jadual 4.4	Ciri-ciri demografik responden kajian (n=8)	143
Jadual 4.5	Item-item untuk maklum balas semasa pembangunan e-Modul	200
Jadual 4.6	Rumusan hasil penilaian keberkesanan pembangunan e-Modul	205
Jadual 5.1	Latar belakang responden kajian persepsi keberkesanan e-Modul (n=34)	210
Jadual 5.2	Ciri-ciri am e-Modul `Undang-undang Kontrak	210
Jadual 5.3	Aplikasi Teori Pembelajaran Kognitif	212
Jadual 5.4	Aplikasi Teori Connectivism	214
Jadual 5.5	Aplikasi Teori Behaviorisme	215
Jadual 5.6	Aplikasi Teori Konstruktivisme	216
Jadual 5.7	Perbandingan Pra dan Pasca Pembelajaran	220

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Model Gaya Pembelajaran <i>VARK</i>	63
Rajah 2.2 Model <i>ADDIE</i>	73
Rajah 3.1 Fasa-fasa kajian serta langkah-langkah yang terlibat dalam setiap fasa	84
Rajah 3.2 Kerangka Konsep Kajian	85
Rajah 3.3 Lima Peringkat dalam Pembangunan e-Modul Berasaskan Model <i>ADDIE</i>	102
Rajah 3.4 Laman Web Utama Soal selidik <i>VARK</i>	105
Rajah 3.5 Soal selidik <i>VARK</i>	106
Rajah 3.6 Carta Skor Pengiraan <i>VARK</i>	107
Rajah 3.7 Laman Blogger	109
Rajah 3.8 Carta alir Penilaian Keberkesanan e-Modul Undang-undang Kontrak	126
Rajah 4.1 Perkara-perkara yang diberi perhatian dalam Pembangunan e-Modul Undang-undang Kontrak menggunakan model <i>ADDIE</i>	135
Rajah 4.2 Dapatan kajian analisis <i>VARK</i> menunjukkan pelajar adalah multimodal	142
Rajah 4.3 Templat Pembangunan e-Modul Undang-undang Kontrak .	147
Rajah 4.4 Muka Depan e-Modul Undang-undang Kontrak	150
Rajah 4.5 Pengenalan Pada Topik Undang-undang Kontrak	152
Rajah 4.6 Pengenalan kepada objektif pembelajaran dalam e-Modul undang-undang Kontrak	153
Rajah 4.7 Definisi istilah 'Offer' dan kes yang berkaitan	155
Rajah 4.8 Nota penerangan keputusan mahkamah bagi kes yang berkaitan disediakan	156
Rajah 4.9 Pembelajaran Secara Info Video	159

Rajah 4.10	Soalan-Soalan Kuiz Yang Telah Disediakan	162
Rajah 4.11	Soalan-Soalan Kajian Kes Disediakan	165
Rajah 4.12	Kajian Kes Disediakan Dalam Bentuk Video	166
Rajah 4.13	Permainan ‘Crossword Puzzle’ yang boleh membantu pelajar mengulangkaji	167
Rajah 4.14	Permainan ‘Hangman Online’ yang boleh membantu pelajar mengulangkaji	168
Rajah 4.15	Mengulangkaji Dengan Bermain	169
Rajah 4.16	Ulangkaji Dengan Cara Menganalisis Situasi yang diberikan	170
Rajah 4.17	Nota Ringkas Disediakan Untuk Memudahkan Pelajar Mengulangkaji Pelajaran	171
Rajah 4.18	Paparan Laman ‘VideoScribe’	173
Rajah 4.19	Laman untuk memuat turun ‘Videoscribe’	174
Rajah 4.20	Paparan permukaan untuk ‘log in’	177
Rajah 4.21	Pemilihan skrin	178
Rajah 4.22	Paparan skrin baru	179
Rajah 4.23	Paparan skrin baru yang kosong	180
Rajah 4.24	Langkah permulaan pemilihan perkataan	181
Rajah 4.25	Pemilihan jenis ‘tangan’ yang akan digunakan	182
Rajah 4.26	Contoh-contoh jenis ‘pen’ yang boleh dipilih	183
Rajah 4.27	Pemilihan kelajuan masa untuk setiap segmen	185
Rajah 4.28	Pemilihan imej manusia	186
Rajah 4.29	Langkah pemilihan imej bangunan yang akan digunakan ...	187
Rajah 4.30	Langkah pemilihan jenis tulisan	189
Rajah 4.31	Langkah pemilihan Setiap Perkataan dan Imej	190

Rajah 4.32	Langkah penyusunan perkataan dan imej mengikut urutan .	191
Rajah 4.33	Langkah memasukkan suara latar belakang dengan mengaktifkan mikrofon di bawah Scribe Voiceover	192
Rajah 4.34	Langkah memasukkan muzik latar belakang di bawah <i>Scribe Music</i>	194
Rajah 4.35	Video lengkap dengan latar belakang suara	195
Rajah 4.36	Menyimpan video yang telah siap dibangunkan	196
Rajah 4.37	Paparan video dimainkan	198
Rajah 4.38	Paparan video yang dimainkan dengan susulan kemunculan watak serta imej yang dikehendaki	199

SENARAI SINGKATAN KATA

ADL	<i>Advanced Distributed Learning</i> (pembelajaran bertaburan tahap tinggi)
CBE	<i>Computer Based education</i>
CBE	<i>Computer based Education</i> (Pendidikan berasaskan Komputer)
CD	<i>Compact Disk</i>
CD- ROM	<i>Compact disk read-only memory</i> (cakera padat-baca sahaja)
DePAN	Dasar e-Pembelajaran Negara
DL	<i>Distance Learning</i> (pembelajaran jarak jauh)
DL	<i>Distributed Learning</i> (pembelajaran berjarak)
DSL	<i>Digital Subscriber Line</i> (Talian pelanggan digital)
DVD	Digital Video Disk
Gbps	<i>Gigabits per second</i> (Gigabit per saat)
GOL	<i>Globalised Online Learning</i> (Pembelajaran dalam talian secara global)
HD	<i>High definition</i> (Definisi Tinggi)
IBT	<i>Internet-based Training</i> (latihan berasaskan internet)
ICT	<i>Information technology and Communication</i> (teknologi maklumat dan komunikasi)
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IRC	<i>Internet Relay Chat</i>
IT	<i>Information technology</i> (teknologi maklumat)
Mbps	<i>Megabits per second</i> (Megabit per saat)
MKO	<i>The More Knowledgable Other</i> (Sesorang yang mempunyai kemahiran yang lebih daripada pelajar sendiri bagi sesuatu tugas)
mLearning	<i>Mobile Learning</i> (pembelajaran secara mobil)
MOOC	<i>Massive open online courses</i> (pelantar kursus dalam talian secara terbuka)
MSC	<i>Multimedia Super Corridor</i> (Koridor Super Multimedia)
NITC	National IT Council (Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat)

OCW	<i>Open courseware</i> (kursus terbuka)
OL	<i>Online Learning</i> (pembelajaran atas talian)
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPPT	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi
PPT	Pemberi Pengajian Tinggi
SD	<i>Standard definition</i> (Definisi Piawai)
sms	<i>Short messaging services</i> (Perkhidmatan mesej singkat)
UA	Universiti Awam
VARK	<i>Visual, Aural, Read/Write dan Kinaesthetic</i> (Visual , Aural, Membaca/Menulis dan Kinestetik)
VR	<i>Virtual reality</i> (Realiti Maya)
WBI	<i>Web-based Instruction</i> (arahan berasaskan laman)
WBL	<i>Web-based Learning</i> (pembelajaran berasaskan laman)
WBT	<i>Web-based Training</i> (latihan berasaskan laman)
Wi-Fi	<i>Wireless fidelity</i> (Fideliti tanpa dawai)
ZPD	<i>Zone of Proximal Development</i> (Zon Pembangunan Sebenar)

**PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN E-MODUL UNDANG-UNDANG
KONTRAK BERASASKAN GAYA PEMBELAJARAN VARK: SUATU
KAJIAN KES**

ABSTRAK

Strategi pengintegrasian bahan pembelajaran dan teknologi Internet semakin digunakan secara meluas dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Malah kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Pelan Pelaksanaan Infrastruktur dan Infostruktur bagi meningkatkan kemudahan Internet di universiti awam. Namun keberkesanan penggunaan pembelajaran elektronik sebagai platform untuk penyampaian isi kandungan pelajaran dan untuk berinteraksi dengan pelajar merupakan suatu cabaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sama ada e-Modul yang dibangunkan berasaskan gaya pembelajaran dan keperluan pelajar adalah berkesan untuk mempertingkatkan pencapaian pelajar. Kajian ini memilih topik Undang-undang Kontrak untuk dibangunkan memandangkan topik ini melibatkan isi kandungan yang sukar difahami seperti kes undang-undang perniagaan yang rumit. Kajian ini merupakan kajian kes yang melibatkan responden pelajar dari dua buah universiti awam iaitu Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Mara. Terdapat dua fasa utama dalam kajian ini iaitu fasa pembangunan e-Modul yang berpandukan model ADDIE dan fasa penilaian keberkesanan e-Modul. Dalam fasa pembangunan e-Modul, penentuan gaya pembelajaran pelajar berasaskan model *VARK* mendapati tiada gaya pembelajaran yang dominan dan pelajar adalah multimodal dalam pembelajaran mereka. Hasil dapatan analisis keperluan menunjukkan bahan pembelajaran yang diperlukan ialah definisi istilah, fakta kes dan seksyen yang terlibat, nota ringkas, peta minda, sumber rujukan serta soalan kajian kes manakala cara persembahan berlandaskan videografik serta permainan

dianggap wajar digunakan dalam e-Modul tersebut. Persembahan bahan pembelajaran, aktiviti, latihan serta soalan penilaian dibina dengan kemudahan percuma *blogspot.com*. Selaras dengan model ADDIE, pembangunan e-Modul mengambil kira maklum balas pelajar dan pengajar dan setelah kelemahan yang terdapat dalam e-Modul dibaiki suatu penilaian keberkesanan pembangunan e-Modul dijalankan sebelum e-Modul tersebut diimplementasi. Fasa kedua kajian ini terdiri daripada analisis persepsi pelajar terhadap keberkesanan e-Modul dan penilaian keberkesanan e-Modul terhadap pencapaian pelajar yang telah menggunakan e-Modul. Kajian persepsi menunjukkan bahawa pelajar mendapati e-Modul mempunyai reka bentuk pengajaran yang berkesan dan yang berlandaskan teori pembelajaran manakala Ujian-t yang dilaksanakan untuk penilaian keberkesanan e-Modul dalam mempertingkatkan pencapaian pelajar menunjukkan perubahan yang signifikan pada paras $p < 0.05$. Oleh itu hipotesis null yang menyatakan tidak terdapat perbezaan signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi pelajar yang menggunakan e-Modul ditolak. Kedua-dua penilaian tersebut menunjukkan e-Modul Undang-undang Kontrak yang berasaskan gaya pembelajaran dan yang mengambil kira analisis keperluan serta maklum balas semasa pembangunan adalah berkesan untuk mempertingkatkan pencapaian pelajar universiti awam dalam Undang-undang Kontrak.

THE DEVELOPMENT AND EVALUATION OF LAW OF CONTRACT E-MODULE BASED ON VARK LEARNING STYLE : A CASE STUDY

ABSTRACT

The strategy of integrating lesson content and Internet technology is increasingly being applied to the process of teaching and learning. The government has implemented various initiatives such as the implementation of the Infrastructure and Infrastructure Plan to enhance Internet facilities in public universities. However, the use of e-Learning as a platform to deliver lesson content and to interact with students remain a challenge. This study intends to investigate the effectiveness of an e-Module that is developed based on students' learning styles and their needs in improving the achievement of the students in their subject matter. The topic '*Law of Contract*' was chosen because it involved difficult business law cases, which students found hard to understand. This work is a case study which involved two public universities, namely, Universiti Sains Malaysia and Universiti Teknologi Mara. This study consisted of two phases namely the development phase and the subsequent phase to evaluate the effectiveness of the e-Module. In the development phase, the determination of student learning styles based on the *VAR*K model showed that there was no dominant learning style as the students were multimodal in their learning. The needs analysis showed that definitions of terms related to the law of contract, sections from relevant cases, notes, mind maps, references and case study questions were required. Video graphics and games were stated as preferred forms of presenting lesson content. Presentation of learning materials, activities, exercises and assessment questions were developed with free facilities provided by blogspot.com. In line with the ADDIE model, the e-Module development took into account the students' and lecturers' feedback, and once the weaknesses in the e-Module were

corrected, an evaluation of the e-Module development effectiveness was performed before the e-Module was implemented. The study showed that the students perceived the e-Module as effective as an instructional design that was based on learning theories. The single paired t-test indicated a significant change in the students' achievement at $p < 0.05$. Thus the null hypothesis that states that there is no significant difference between pre-and post-test scores of students who used the developed e-Module was rejected. Both these assessments showed that the '*Law of Contract*' e-Module which took into account the learning styles, needs analysis and feedback during development is effective in improving the achievement of business law students in public universities.

BAB 1 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi internet dan digital memberi ruang dan peluang kepada pelajar universiti awam (UA) yang mengalami kesukaran memahami prinsip dan konsep yang terdapat dalam undang-undang perniagaan. Keadaan ini telah mendorong pengkaji untuk membangunkan suatu e-Modul yang berasaskan gaya pembelajaran pelajar dan yang mampu membantu pelajar dalam mempertingkatkan pencapaian pelajar dalam bidang tersebut. Penyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi operasi bagi istilah-istilah dalam kajian ini diperjelas dalam bab ini.

1.2 PERKEMBANGAN TEKNOLOGI INTERNET DAN DIGITAL

Sejak kebelakangan ini, strategi pengintegrasian teknologi Internet dan digital telah digunakan secara meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Penggunaan teknologi Internet dan digital sebagai medium penyampaian kandungan pelajaran serta platform untuk berinteraksi merupakan suatu cabaran kepada pelajar dan juga pengajar. Sehubungan dengan itu, pelajar dan pengajar perlu mengambil inisiatif dalam penggunaan e-Pembelajaran. Selain itu, pengajar juga perlu bersedia mengubah peranan mereka sebagai pemancar pengetahuan kepada pendorong dan pemudah cara (Deraman, 2003; Zhu, 2010). Selaras dengan perkembangan Internet di dunia, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (*Information and Communication Technology, ICT*) telah dijadikan strategi untuk membawa Malaysia

ke era globalisasi pada abad ke 21. Sehubungan itu, Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor, MSC*) yang merupakan inisiatif strategik yang terawal telah diwujudkan oleh Majlis IT Negara (NITC 2001). Pada masa yang sama, lima bidang telah disenaraikan dan diutamakan oleh NITC iaitu e-Komuniti (*e-Community*), e-Perkhidmatan Awam (*e-Public services*), e-Pembelajaran (*e-Learning*), e-Ekonomi (*e-Economy*), dan e-Kedaulatan (*e-Sovereignty*) dalam agenda strategik tersebut. Penubuhan Dasar e-Pembelajaran Negara (Dasar e-Pembelajaran Negara, 2.0, 2015) merupakan langkah lanjutan bagi meningkatkan pembelajaran supaya ia menjadi yang lebih kompetitif dan berkesan di semua Pemberi Pengajian Tinggi (UA). Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) telah mengambil inisiatif penting dalam tiga fasa yang bermula dari 2015 sehinggalah 2025 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1. Melalui e-Pembelajaran pelajar mempunyai fleksibiliti dan boleh disokong oleh sumber yang direka dengan baik (Khan, 2017).

Jadual 1.1

Jadual Pelan Pelaksanaan Infrastruktur dan Infostruktur dari 2015-2025

Domain	Bidang Fokus	Fasa 1 2015	Fasa 2 2016-2020	Fasa 3 2021-2025
Infrastruktur & infostruktur	Internet dan liputan Wi-Fi	1 <i>Gbps</i> - 5 <i>Gbps</i> Capaian internet (<i>streaming of SD video</i>)	6 <i>Gbps</i> - 10 <i>Gbps</i> capaian internet (streaming HD video)	10 <i>Gbps</i> minimum, Capaian inernet (<i>streaming of full HD videos, telepresence</i>)
		1 <i>Mbps</i> /pelajar dan 80% liputan	2 <i>Mbps</i> /pelajar dan 90% liputan	2.5 <i>Mbps</i> /pelajar dan 100% liputan

(sambungan)

Pelantar	Pelantar	Pelantar	Pelantar
e-Pembelajaran	e-Pembelajaran 2.0 dan <i>MOCC ready</i>	e-Pembelajaran 2.0 dan <i>MOCC</i> dan <i>mobile ready</i>	e-Pembelajaran 2.0 dan <i>MOCC</i> , <i>mobile</i> dan <i>learning analytic ready</i>
	100% pengajar dan 90% pelajar mempunyai komputer/tablet /telefon pintar	100% pengajar dan 95% pelajar mempunyai komputer/ /tablet/telefon pintar	100% pengajar dan 100% pelajar mempunyai komputer/tablet /telefon pintar
Peralatan dan perisian ICT	50% pengajar mempunyai akses kepada perisian pembangunan e-Kandungan	75% pengajar mempunyai akses kepada perisian pembangunan e-Kandungan	100% pengajar mempunyai akses kepada perisian pembangunan e-Kandungan

Nota: Diadaptasi daripada Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0 oleh Majlis

e-Pembelajaran IPTA, 2015.

Jadual 1.1 juga menunjukkan infrastruktur yang telah dirancang untuk disediakan kepada pengajar dan pelajar UA. Bagi pengajar, platform dan akses kepada perisian pembangunan e-Kandungan telah disediakan. Ini memudahkan capaian pelajar untuk e-Kandungan yang telah dibangunkan oleh pengajar. Setiap UA harus menyediakan perkhidmatan jalur yang mempunyai kapasiti sebanyak 6Gbps-10Gbps (gigabit per saat) dan 90% liputan Wi-Fi bersamaan dengan 2 Mbps bagi seorang pelajar diperuntukkan. Perkhidmatan yang disediakan ini perlu

meningkat pada fasa ketiga dengan minima penggunaan Wi-Fi 2.5Mbps bagi setiap pelajar.

Jadual 1.2

Jadual Pelan Pelaksanaan Pedagogi Dalam Talian dari 2015-2020

Domain	Bidang Fokus	Fasa 1 2015	Fasa 2 2016-2020	Fasa 3 2021-2025
Pedagogi Dalam Talian	Pembelajaran Teradun	30% kursus UA dikendalikan dalam bentuk pembelajaran teradun	50% kursus UA dikendalikan dalam bentuk pembelajaran teradun	70% kursus UA dikendalikan dalam bentuk pembelajaran teradun
	Kursus terbuka	Setiap UA menawarkan sekurang-kurangnya 3 kursus secara terbuka (<i>MOCC</i>)	Setiap UA menawarkan sekurang-kurangnya 15 kursus secara terbuka (<i>MOCC</i>)	Setiap UA menawarkan sekurang-kurangnya 30 kursus secara terbuka (<i>MOCC</i>)
	e-Pentaksiran	5% e-Pentaksiran dalam pembelajaran teradun	10% e-Pentaksiran dalam pembelajaran teradun	15% e-Pentaksiran dalam pembelajaran teradun

Nota: Diadaptasi daripada Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0 oleh Majlis e-Pembelajaran IPTA, 2015.

Seperti yang boleh dilihat di Jadual 1.2 di atas, kepentingan pembelajaran teradun (*blended learning*) meningkat setiap tahun, pada tahun 2015, 30% kursus

UA perlu dikendalikan secara dalam bentuk pembelajaran teradun, pada Fasa Kedua pula pengendalian pembelajaran atas talian adalah sebanyak 50% sehinggalah mencapai peringkat 70% pada Fasa Ketiga.

Jadual 1.3

Pelan Pelaksanaan e-Kandungan dari 2015-2020

Domain	Bidang Fokus	Fasa 1 2015	Fasa 2 2016-2020	Fasa 3 2021-2025
E-Kandungan	e-Kandungan asli	10% daripada semua kursus yang ditawarkan mempunyai e-Kandungan asli	25% daripada semua kursus yang ditawarkan mempunyai e-Kandungan asli	40% daripada semua kursus yang ditawarkan mempunyai e-Kandungan asli
	e-Kandungan terbuka	5% daripada semua kursus yang ditawarkan oleh setiap UA dibangunkan dan ditawarkan secara terbuka (OCW)	10% daripada semua kursus yang ditawarkan oleh setiap UA dibangunkan dan ditawarkan secara terbuka (OCW)	15% daripada semua kursus yang ditawarkan oleh setiap UA dibangunkan dan ditawarkan secara terbuka (OCW)
	Piawai	Piawai	Piawai	Piawai
	e-Kandungan	e-Kandungan diwujudkan	e-Kandungan digunakan	e-Kandungan disetarakan di peringkat antarabangsa

Nota: Diadaptasi daripada Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0 oleh Majlis

e-Pembelajaran IPTA, 2015.

Penggunaan e-Kandungan asli meningkat daripada 10% pada tahun 2015 kepada 25% pada Fasa Kedua dan akan meningkat ke 40% pada Fasa Ketiga. Bagi e-Kandungan terbuka pula peningkatannya adalah sebanyak 5% dari Fasa Satu ke Fasa Dua dan seterusnya meningkat ke 15% pada Fasa Ketiga.

Kesungguhan pemeraksanaan e-Pembelajaran ini juga dicerminkan di dalam PPPM PT 2015-2025 kerana Kementerian Pendidikan Malaysia sedar bahawa pendidikan tinggi sedang mengalami perubahan yang ketara akibat kewujudan teknologi digital serta model penyampaian yang baru Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi 2015-2025 (PPPM PT). Sepuluh lonjakan telah ditetapkan oleh PPPM PT. Antara 10 lonjakan ini, lonjakan ke-9 adalah berkaitan dengan '*Massive Open online courses*' (MOOCs) dan Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global atau *Globalised Online Learning* (GOL), lonjakan ini memberi tumpuan kepada peluasan akses pendidikan, peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran di samping membolehkan pembelajaran disesuaikan mengikut keperluan semasa pelajar.

1.3 E-PEMBELAJARAN

E-Pembelajaran adalah sebahagian daripada dinamik yang mencirikan sistem pendidikan pada permulaan abad ke -21 (Sangra, Vlachopoulos, & Cabrera, 2012). Secara am, e-Pembelajaran boleh bersifat bersinkronisasi atau tak bersinkronisasi. Kedua-dua sifat tersebut mempunyai kelebihan tersendiri. E-Pembelajaran bersinkronisasi bermaksud semua pihak yang terlibat (iaitu pelajar dan pengajar) boleh mengambil bahagian dalam proses PdP serentak atau pada masa yang sama walaupun mereka boleh berada di tempat yang berlainan. E-Pembelajaran tak

bersinkronisasi pula bermakna pihak yang terlibat tidak mengambil bahagian secara serentak atau pada masa yang sama. E-Pembelajaran tak bersinkronisasi memberi peluang kepada pelajar yang sibuk untuk mengikuti kelas pada bila-bila masa mereka ada kelapangan. Tambahan pula, aktiviti pembelajaran atau pengajaran yang berlaku boleh direkodkan dan boleh diakses pada bila-bila masa jika ia perlu dirujuk semula (Chen & Tseng, 2012; Ho & Dzeng, 2010; Islam, 2013;Pena-Ayala, Sossa, & Mendez, 2014).

Definisi dan konsep e-Pembelajaran sukar mendapat persetujuan daripada semua pihak. Terdapat beberapa definisi dan konsep e-Pembelajaran seperti berikut:

- 1) E-Pembelajaran merupakan penggunaan media elektronik untuk pelbagai tujuan pembelajaran dari fungsi tambahan dalam kelas tradisi kepada penggantian sepenuhnya bagi pertemuan bersemuka dengan perjumpaan atas talian (Guri-Rosenblit, 2005);
- 2) E-Pembelajaran adalah penyampaian pendidikan (iaitu semua aktiviti yang berkaitan dengan instruksi, pengajaran dan pembelajaran) melalui pelbagai media elektronik (Koohang & Harman, 2005);
- 3) E-Pembelajaran ialah penggunaan teknologi multimedia baru dan Internet untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dengan memudahkan akses kepada sumber dan perkhidmatan serta pertukaran terpencil dan kolaborasi (Alonso, López, Manrique, & Viñes, 2005);
- 4) E-Pembelajaran merujuk kepada proses pendidikan yang menggunakan teknologi ICT sebagai pengantara aktiviti PdP bersinkronisasi dan bukan

bersinkronisasi (Jereb & Šmitek, 2006);

- 5) E-Pembelajaran ialah pembelajaran secara rangkaian (Haughey & Anderson, 1998);
- 6) E-Pembelajaran ialah arahan pembelajaran berdasarkan web (Abbey, 2000).

Secara umum e-Pembelajaran boleh didefinisikan sebagai satu pembelajaran elektronik, dan boleh dicapai pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja serta disampaikan secara elektronik (Dichantz, 2001). Malah ada penyelidik (Khan, 2017) yang mentakrifkan e-Pembelajaran sebagai mewakili semua aktiviti pembelajaran terbuka dan teragih seperti *Massive Open Online Course* (MOOC), *WebBased Learning* (WBL), *WebBased Instruction* (WBI), *WebBased Training* (WBT), *InternetBased Training* (IBT), *Distributed Learning* (DL), *Advanced Distributed Learning* (ADL), *Distance Learning* (DL), *Online Learning* (OL) dan *Mobile Learning* (mLearning).

Pada umumnya sebahagian besar konsep e-Pembelajaran akan melibatkan penggunaan komputer dan internet. Selain peralatan elektronik lain yang bersesuaian dalam PdP, penulisan dan penghasilan bahan-bahan kandungan untuk e-Pembelajaran ini kebiasaannya disampaikan dalam e-Modul, siaran langsung pengajaran (*live streaming teaching*) atau e-kuliah yang dipautkan pada Internet. Di samping bahan kandungan e-Pembelajaran atau e-Kandungan memerlukan suatu sistem pengurusan yang pintar seperti *Blackboard*, *WebCT*, *Moodle*, *Mambo*, *Learnmate*, *Lotus Learning Space* atau Kaleidoskop serta kaedah komunikasi seperti *email*, *forum*, *chat* atau *sms*.

Di samping itu ada setengah-setengah pihak menganggap e-Pembelajaran sebagai generasi baru pendidikan jarak jauh (Garrison & Anderson, 2003; Marquès, 2006). Selain daripada e-Pembelajaran, istilah lain yang kadang-kadang digunakan adalah Pembelajaran Berasaskan Laman (*Web-based Learning*) dan Pembelajaran Atas Talian (*Online Learning*).

Kerajaan juga telah mengambil inisiatif untuk meluaskan penggunaan jalur lebar untuk membolehkan e-Pembelajaran dapat dilaksanakan dengan stabil dan dengan melibatkan kos yang munasabah. Perlaksanaan infrastruktur e-Pembelajaran di UA adalah kukuh kerana pembangunan MSC di Malaysia telah mewujudkan kemudahan rangkaian bagi penggunaan komputer dan multimedia dengan lebih murah, mudah, dan lebih pantas. Ia mewujudkan kemudahan bagi UA untuk membangunkan dan menyediakan kemudahan kepada para pelajar di samping merealisasikan matlamat menjadi negara maju menjelang Wawasan 2020. E-pembelajaran dipercayai mempunyai impak yang positif terhadap pelajar dan juga pengajar dan mempengaruhi aspek-aspek seperti kolaborasi dan interaksi sesama sendiri (Muhammadi, 2015).

Oleh itu, pengajar juga perlu memainkan peranan mereka sebagai pemancar pengetahuan dan pemudah cara (Deraman, 2003). Pengajar memainkan peranan yang penting dalam menyediakan pelajar ke arah pembelajaran digital. Ghavitfekar et al. (2014) mendapati walaupun kebanyakan pengajar menggunakan ICT mereka lebih kerap menggunakan teknologi ICT dalam kerja seharian mereka di bilik guru daripada menggunakan ICT untuk proses PdP. Oleh itu kajian untuk membangunkan platform e-Pembelajaran yang mengambil kira keperluan pelajar dan pengajar

merupakan suatu kajian yang perlu dijalankan. Pembelajaran berasaskan laman web ini dipercayai dapat menarik perhatian dan minat para pelajar untuk belajar (Rahmat & Samsudin, 2005). Malah kaedah ini menjadi amat berguna kepada pelajar kerana ia membuka satu ruang untuk para pelajar untuk berinteraksi secara bersinkronisasi dan tak bersinkronisasi menerusi pembelajaran secara kolaboratif (Abachi & Muhammad, 2013; Kratochvíl, 2013; Lau & Mohamad, 2002). Lanjutan daripada itu, bagi pelajar yang malu untuk bertanya di hadapan pelajar lain boleh mengambil bahagian dengan aktif serta bersoal jawab di atas talian. Kaedah ini juga boleh mengatasi masalah seperti masa, pelajar boleh mendapatkan masa berlebihan di luar waktu kuliah untuk berinteraksi dengan pengajar.

Perlaksanaan e-Pembelajaran dan perkembangan inovasi dalam PdP membawa implikasi bahawa pengajaran secara tradisi seperti penggunaan modul kini boleh dan perlu dikaitkan dengan pelbagai format dan media. Secara tradisi, modul merupakan bahan pembelajaran lengkap yang mengandungi satu atau dua konsep yang direka sedemikian rupa supaya pelajar dapat belajar dengan sendiri. Ini bermaksud sesuatu modul mengandungi isi pelajaran, soalan dalam teks, rumusan, kuiz selepas satu pelajaran dan soalan penilaian sendiri pada akhir modul dengan jawapan dan penerangan sekali dalam bentuk cetakan. Pengintegrasian teknologi bererti bahawa modul sekarang boleh dimuatkan ke Internet atau Intranet supaya boleh dicapai di mana-mana tempat dan boleh sentiasa dibangunkan oleh pereka dengan mengambil kira perkembangan terkini dan permintaan daripada pelajar dan pengajar di sepanjang perjalanan kursus. Di samping itu modul berkenaan boleh ditokok tambah dengan pelbagai media seperti klip video, simulasi grafik, pemetaan atau pemancaran data semasa. Sebarang cubaan menjawab soalan boleh juga mendapat

respon yang serta-merta sama ada daripada pengajar sendiri atau dari sistem modul elektronik yang telah dibangunkan.

Namun, kejayaan e-Pembelajaran untuk menaikkan pencapaian pelajar di universiti awam masih tidak dikaji dengan teliti. Salah satu kemungkinan untuk menaikkan pencapaian pelajar ialah penggunaan e-Modul dalam kursus mereka sama ada sebagai pengayaan kepada pembelajaran bersemuka di bilik darjah atau sebagai kursus tersendiri (stand-alone course). E-Modul merupakan platform e-Pembelajaran yang biasanya mengandungi satu atau dua konsep yang ingin diajar melalui pelbagai kaedah seperti klip video, permainan, teks, kuiz atau soalan penilaian. Biasanya e-Modul juga mengandungi media sosial. Justeru itu reka bentuk e-Modul boleh mengandungi pelbagai format dan media serta menggunakan sistem pengurusan pembelajaran seperti *Learning Management System (LMS)* yang dapat menyimpan semua kandungan kursus, penilaian, rekod aktiviti dan sebagainya.

1.4 REKA BENTUK PENGAJARAN

Pembangunan e-Modul haruslah mengambil kira reka bentuk pengajaran yang sesuai supaya PdP adalah berkesan. Reka bentuk pengajaran merupakan konstruk yang merujuk kepada prinsip dan langkah-langkah membangunkan bahan pengajaran, amalan pengajaran dan juga sistem persekitaran PdP secara teratur (Molenda & Russell, 2006).

Justeru itu pereka instruksi perlu mengambil kira teori-teori pembelajaran dan kandungan pengajaran di samping mewujudkan persekitaran pembelajaran yang unggul untuk pelajar.

1.5 GAYA PEMBELAJARAN

Selain daripada itu pembangunan e-Modul perlu mengambil kira unsur gaya pembelajaran dan diintegrasikan bersama. Gaya pembelajaran merujuk kepada cara individu mula menumpu perhatian ke atas pengajaran, memproses dan menghayati serta mengingati pengetahuan atau kemahiran yang sukar (Boyle & Dunn, 1998). Menurut Reid (1995), gaya pembelajaran boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kognitif, sensori dan personaliti, manakala Willing (1994) menyarankan empat gaya yang utama iaitu *communicative*, *analytical*, *authority-oriented* dan *concrete*. Pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran *communicative* suka belajar dengan menonton, mendengar, pelajar *analytical* pula gemar belajar dengan membaca buku, surat khabar, belajar bersendirian serta mengenal pasti kesilapan sendiri dan menyelesaikan masalah yang diberikan oleh pengajar. Pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran *authority-oriented* lebih gemar apabila pengajar menjelaskan isi kandungan pelajaran, mempunyai buku teks sendiri, gemar menulis, membaca serta belajar perkara baru. Pelajar *concrete* pula gemar belajar menerusi permainan, gambar, filem, video dan belajar secara berpasangan.

Kaji selidik oleh Boyle dan Dunn (1998) tentang gaya pembelajaran untuk pelajar pra-siswazah yang mempelajari subjek undang-undang menunjukkan pelajar pra siswazah tersebut memperoleh pencapaian yang lebih baik jika pengajar memilih strategi pengajaran yang mengambil kira gaya pembelajaran pelajar berbanding dengan kaedah pengajaran syarahan. Gaya pembelajaran adalah berbeza mengikut umur, tahap pencapaian sebelum pengajaran, kebudayaan dan pemprosesan maklumat baru oleh individu itu sendiri. Kajian selidik tersebut mencadangkan supaya pengajar perlu mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar di bawah

pengajaran mereka dan seterusnya mengubah kaedah pengajaran mereka supaya sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar. Bagi bilangan pelajar yang kecil pembelajaran kolaboratif yang mengambil kira pelbagai gaya pembelajaran boleh dilaksanakan. Kajian Boyle dan Dunn (1998) bagaimanapun mendapati tidak semua pelajar pra-siswazah gemar belajar melalui kaedah pembelajaran kolaboratif tetapi lebih suka belajar dengan seorang pengajar. Jika bilangan pelajar adalah besar, pengajar hendaklah menentukan bahawa kaedah instruksi atau pengajaran mereka adalah sesuai dengan gaya pembelajaran kebanyakan pelajar di bawah mereka. Hasil kajian selidik Boyle dan Dunn (1998) memberi justifikasi untuk meneruskan kajian gaya pembelajaran dalam pembangunan e-Modul untuk pelajar-pelajar pra-siswazah yang mengikuti kursus Undang-undang Perniagaan.

Salah satu kaedah bagi mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar ialah kaedah *VARK* digunakan. Kaedah *VARK* dibangunkan oleh Neil Fleming pada tahun 1987. Inventori ini dibangunkan bagi membantu pelajar mengenal pasti gaya pembelajaran masing-masing. Para pelajar dapat mengenal pasti sama ada mereka mempunyai

- 1) gaya pembelajaran visual iaitu lebih menyukai pembelajaran dengan menggunakan gambar, diagram atau tayangan;
- 2) gaya pembelajaran auditori iaitu pembelajaran dengan muzik, perbincangan dan syarahan;
- 3) kegemaran membaca dan menulis iaitu dengan membuat senarai, membaca buku atau mengambil nota;
- 4) gaya pembelajaran kinestetik di mana pelajar gemar belajar dengan

melakukan aktiviti secara praktikal, membuat eksperimen dan pergerakan.

Kajian oleh McCann, Schneiderman dan Hinton (2010) menunjukkan bahawa walaupun dua-pertiga daripada pelajar kursus pergigian mendapati e-Pembelajaran adalah berkesan mereka mahukan bahan pembelajaran elektronik dibekalkan sebagai bahan tambahan dan bukan untuk menggantikan interaksi dengan pengajar. Kajian tersebut juga dapati bahawa pelajar inginkan suatu lokasi pusat untuk kesemua sumber elektronik dan paparan markah atau gred penilaian. Lebih kurang satu pertiga daripada pelajar mempunyai masalah akses ke Internet dari lokasi di luar kampus.

Kajian Divaris, Polychronopoulou, Taoufik, Katsaros dan Eliades (2012) melaporkan bahawa bahan pembelajaran haruslah disampaikan dengan pelbagai kaedah untuk memenuhi keperluan pelajar yang mempunyai pelbagai gaya pembelajaran. Justeru itu, Divaris et al. (2012) mencadangkan bahawa suatu suasana pembelajaran teradun (blended learning) diwujudkan dengan sesi kelas tradisi dan e-Pembelajaran yang boleh dicapai bila-bila masa. Divaris et al. (2012) mendapati bahawa kebanyakan pembelajaran berlaku di luar bilik darjah melalui latihan. Di samping itu pelajar juga perlu merasai bahawa mereka dapat mengawal pembelajaran mereka melalui penilaian sendiri yang boleh diakses pada bila-bila masa.

Kajian Kavadella et al. (2013) mencadangkan bahawa pembangunan e-Modul yang berkesan perlu mengambil kira beberapa perkara berikut:

- 1) e-Modul tersebut mesti mempunyai objektif yang jelas;

- 2) menitikberatkan keperluan individu pelajar;
- 3) mempunyai tarikan visual;
- 4) mempunyai kandungan yang relevan;
- 5) interaktif;
- 6) memperkembangkan fikiran kritikal;
- 7) menyediakan peluang kepada pelajar untuk memberi maklum balas.

Kajian tersebut juga mendapati bahawa e-Modul mesti mempunyai suasana elektronik yang interaktif dan mudah dilayari. Kajian tersebut juga melaporkan bahawa penggunaan teknologi pada umumnya merupakan suatu masalah untuk pelajar dan pengajar. Justeru itu pereka e-Modul haruslah memastikan e-Modul yang dihasilkan itu boleh digunakan dalam pelbagai sistem dan perisian.

1.6 PERNYATAAN MASALAH

Dengan perkembangan teknologi internet terkini, universiti di Malaysia boleh menjadikan platform e-Pembelajaran untuk mempertingkatkan proses PdP khususnya bagi kursus-kursus yang sukar (Siheh & Sani, 2010). Kajian ini memilih untuk topik Undang-undang Kontrak kerana pelajar menghadapi masalah lebih sukar memahami konsep dan prinsip Undang-undang Kontrak berbanding dengan topik lain seperti 'Pengenalan pada Undang-undang di Malaysia', 'Agensi', 'Akta Jualan Barang' dan 'Pengenalan Entiti Perniagaan'. Jadual 1.4 menunjukkan perbandingan markah pencapaian pelajar di tiga buah UA yang mengambil undang-undang perniagaan. Tiga buah unversiti ini dikenal pasti iaitu UA1, UA 2 dan UA 3. Purata markah bagi pelajar UA 1 untuk topik Undang-undang Kontrak adalah 54.25%, lebih rendah berbanding dengan topik lain seperti topik Agensi di mana purata markah adalah

76.93% dan topik Akta Jualan Barang iaitu 81.10%. Bagi pelajar UA2 pula, purata markah untuk topik Undang-undang Kontrak adalah 63.92%, juga rendah daripada topik lain. Bagi pelajar UA3 purata markah untuk topik Undang-undang Kontrak juga adalah rendah iaitu 58.07%. Butir-butir lanjut terdapat di Lampiran I. Pencapaian markah yang rendah dalam Undang-undang Kontrak agak membimbangkan kerana pelajar wajib lulus.

Jadual 1.4

Purata markah mengikut topik Undang-undang perniagaan

Bil	UA	Topik 1	Topik 2	Topik 3	Topik 4	Topik 5
		Pengenalan pada undang-undang di Malaysia	Undang-undang Kontrak	Aspek Entiti Undang-undang Perniagaan	Agensi	Akta Jualan Barang
1	UA1	74.78	54.25	63.59	76.93	81.10
2	UA2	74.07	63.92	69.17	89.07	91.69
3	UA3	73.92	58.07	74.03	86.60	85.62

Beberapa pensyarah tempatan juga membangunkan platform Undang-undang Kontrak, namun lebih berfokus kepada nota sebagai bahan pembelajaran pelajar tanpa mengambil kira gaya pembelajaran pelajar. Setiap pelajar di dalam sesebuah kelas mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Pelajar ini belajar dari sudut pandangan yang berlainan, oleh yang demikian pengajar akan mengalami cabaran atas faktor permintaan yang pelbagai daripada pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Oleh yang demikian pembangunan e-Modul yang bersifat interaktif bagi Undang-undang Kontrak dapat membantu pelajar dari segi

kesesuaian bahan serta berasaskan gaya pembelajaran mereka seperti *visual*, *auditory*, *read/write* dan *kinesthetic* yang perlu diambil kira supaya PdP berlangsung dengan lebih berkesan.

Isu sama ada pencapaian pelajar dalam kursus-kursus pada peringkat pengajian tinggi (UA) meningkat atau menurun ataupun tidak berubah akibat penggunaan bahan atas talian seperti e-Modul merupakan isu yang masih perlu dikaji (Albert & Beatty, 2014; Al-Qahtani & Higgins, 2013; Asarta & Schmidt, 2017; Baepler, Walker, & Driessen, 2014). Pereka bentuk pengajaran yang terlibat dalam mereka bentuk e-Modul sebagai pengayaan pada kursus yang diajar secara bersemuka akan berdepan dengan cabaran menentukan keberkesanan e-Modul tersebut, Khan (2017). Seterusnya pereka bentuk pengajaran perlu menentukan e-Modul tersebut dapat mempertingkatkan pencapaian pelajar. Memandangkan kos yang begitu tinggi yang telah dilaburkan untuk membangunkan infrastruktur dan kemudahan Internet oleh kerajaan untuk pelajar UA, maka timbulnya isu keberkesanan e-Pembelajaran di kalangan pelajar tersebut dan sama ada e-Pembelajaran benar-benar dapat mempertingkat pencapaian pelajar tersebut. Salah satu cara untuk mengkaji keberkesanan platform e-Pembelajaran ialah membangun e-Modul untuk kursus yang diikuti oleh pelajar UA tersebut dan seterusnya mengkaji keberkesanan e-Modul tersebut dengan menggunakan ujian statistik.

Dalam konteks keperluan bahan mengajar, para pengajar juga menghadapi kekurangan kelengkapan bahan mengajar bagi kursus-kursus di peringkat universiti. Menurut Sulaiman, Ramanair dan Ismail (2009), kebanyakan pembinaan portal pembelajaran bagi melaksanakan e-Pembelajaran tidak mengambil kira keperluan

material yang spesifik dan memenuhi kehendak sebenar pelajar. Ini menyebabkan bahan yang digunakan dalam e-Pembelajaran gagal menarik minat pelajar seterusnya gagal mencapai matlamat pembelajaran di kalangan pelajar.

Kajian ini bertujuan untuk membangun suatu e-Modul bagi Undang-undang Kontrak berasaskan gaya pembelajaran pelajar Undang-undang Kontrak di UA. Gaya pembelajaran seperti yang dirujuk pada gaya pembelajaran *VARK* seperti *visual*, *auditori*, *read/write* dan *kinesthetic* diambil kira dalam membangunkan e-Modul ini. Pembangunan e-Modul tersebut juga mengambil kira keperluan pelajar dan pengajar.

1.7 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah isi kandungan pembelajaran, cara persembahan aktiviti, penilaian dan sumber yang diperlukan oleh pelajar Undang-undang Kontrak serta masalah pembelajaran topik Undang-undang Kontrak?
2. Apakah jenis bahan pembelajaran, cara persembahan, latihan dan aktiviti penilaian yang di perlukan oleh pengajar bagi topik Undang-undang Kontrak?
3. Adakah gaya pembelajaran yang dominan di kalangan pelajar Undang-undang Kontrak yang perlu diambil kira dalam membangunkan e-Modul?
4. Adakah e-Modul yang dibangunkan mempunyai ciri-ciri yang membantu PdP dan berkesan dalam mengaplikasikan teori pembelajaran?
5. Adakah e-Modul yang dibangunkan itu berkesan membantu pelajar mengikut

persepsi mereka?

6. Adakah e-Modul berkesan mempertingkatkan pencapaian pelajar Undang-undang Kontrak?

Hipotesis null: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi pelajar yang menggunakan e-Modul Undang-undang Kontrak yang dibangunkan.

1.8 OBJEKTIF KAJIAN

1. Membuat analisis keperluan pelajar terhadap e-Modul Undang-undang Kontrak;
2. Membuat analisis keperluan pengajar terhadap e-Modul Undang-undang Kontrak;
3. Menganalisis gaya pembelajaran pelajar Undang-undang Kontrak yang perlu diambil kira dalam membangunkan e-Modul;
4. Membina bahan pembelajaran dan membangunkan e-Modul Undang-undang Kontrak dengan menggunakan proses model Addie sebagai panduan.
5. Mengkaji sama ada e-Modul Undang-undang Kontrak yang dibangunkan adalah berkesan dan dapat mempertingkatkan pencapaian pelajar.

1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan mempunyai beberapa kepentingan yang disenaraikan seperti berikut:

- (i) E-Modul Undang-undang Kontrak yang dibangunkan boleh juga digunakan oleh pelajar daripada pelbagai jurusan seperti jurusan perakaunan dan bukan sahaja pelajar bidang undang-undang perniagaan. Menurut Christudason, (2004), konsep dan prinsip yang terdapat dalam undang-undang perniagaan selalu dianggap sukar difahami terutamanya bagi pelajar yang tidak mempunyai latar belakang dalam pembelajaran undang-undang.
- (ii) Kajian yang lepas mendapati gabungan strategi penggunaan teknologi dan gaya pembelajaran dapat menambahkan pengalaman pembelajaran seseorang pelajar (Boyle & Dunn 2008; Hein, 1997; Ross & Lukow, 2004; Tsoi, Goh, & Chia, 2005). Oleh itu pembangunan e-Modul berasaskan gaya pembelajaran dipercayai lebih berkesan kerana ia mengambil kira strategi dan gaya pembelajaran pelajar secara individu. Oleh itu e-Modul yang dihasilkan oleh kajian ini adalah unik kerana ia bukan berciri komersial yang besar kemungkinan tidak sesuai dengan pelajar UA Malaysia.
- (iii) Hasil dapatan daripada kajian ini dapat menjadi panduan kepada KPT, pakar bidang undang-undang perniagaan, pengajar dan pelajar dalam bidang undang-undang perniagaan. Misalnya kajian ini dapat membantu pengkaji-pengkaji yang lain untuk mengetahui cara membangunkan e-Modul secara sistematik berasaskan gaya pembelajaran pelajar.
- (iv) Antara kelebihan e-Modul ini adalah kandungan dan latihan dapat ditambah, dimurnikan dan disesuaikan mengikut perkembangan kurikulum Kementerian Pengajian Tinggi dari semasa ke semasa.

1.10 BATASAN KAJIAN

Terdapat batasan dalam kajian yang telah dijalankan ini. Limitasi yang pertama ialah pembangunan e-Modul hanya mengambil kira satu tajuk sahaja. E-Modul ini tidak meliputi secara keseluruhan Undang-undang Perniagaan.

Batasan yang kedua adalah kajian ini hanya kajian kes dan dijalankan terhadap pelajar pra-siswazah yang mengambil kursus undang-undang perniagaan di Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Permatang Pauh, Pulau Pinang. Hasil dapatan kajian mungkin akan berbeza sekiranya sampel siswazah dari universiti awam lain digunakan.

1.11 KERANGKA PERSEMBAHAN TESIS

Tesis ini mengandungi 6 bab. Bab 1 memberi pengenalan dan gambaran kajian yang akan dijalankan. Bab ini terdiri daripada perbincangan kepentingan kajian dalam suasana perkembangan pengintegrasian teknologi dalam pendidikan terkini, objektif kajian, permasalahan kajian, persoalan dan batasan kajian.

Bab 2 membincangkan dengan lebih lanjut tentang pengintegrasian teknologi dalam PdP serta implikasi teori-teori pembelajaran dalam reka bentuk e-Modul Undang-undang Kontrak. Teori-teori pembelajaran yang dibincangkan ialah teori *Connectivism*, teori beban kognitif, teori Behaviorisme dan teori Konstruktivisme. Bab ini juga menghuraikan konsep dan analisis gaya pembelajaran yang berasaskan model *VARK* yang akan dikaji serta beberapa model reka bentuk pengajaran termasuklah model ADDIE.

Bab 3 membincangkan kerangka konsep pembangunan e-Modul Undang-undang Kontrak, proses reka bentuk pengajaran serta liputan sukatan Undang-undang Kontrak dan seterusnya lokasi kajian, populasi dan pensampelan. Pemilihan media juga dibincangkan dengan merujuk kepada beberapa kemudahan yang percuma yang boleh digunakan. Kaedah pengumpulan data sama ada dengan soal selidik yang dibangunkan atau soal selidik yang piawai seperti soal selidik *VARK* dan kaedah analisis data termasuklah ujian kesahan dan kebolehpercayaan turut dijelaskan. Bab ini diakhiri dengan huraian penilaian pembangunan laman e-Modul serta penilaian yang digunakan untuk menilai keberkesanan e-Modul.

Bab 4 membincangkan hasil kajian analisis keperluan dan analisis gaya pembelajaran dan seterusnya pembangunan e-Modul di mana model ADDIE digunakan. Bab ini akan membincangkan tiga bahagian. Bahagian pertama adalah analisis keperluan pelajar dan pengajar serta analisis gaya pembelajaran manakala bahagian kedua adalah pembangunan e-Modul Undang-undang Kontrak serta maklum balas daripada responden tentang e-Modul yang sedang dibangunkan. Bahagian ketiga adalah analisis keberkesanan pembangunan e-Modul Undang-undang Kontrak sebelum e-Modul diimplementasikan.

Bab 5 membincangkan kajian persepsi keberkesanan e-Modul dan penilaian keberkesanan e-Modul dengan kaedah ujian pra dan pasca.

Bab 6 sebagai bab terakhir meneruskan hasil penelitian dari Bab 5 serta membincangkan aspek-aspek penambahbaikan yang dapat diteruskan oleh pengkaji-

pengkaji pada masa hadapan. Satu aspek penambahbaikan yang dibincangkan ialah pembangunan e-Modul dengan menambahkan unsur-unsur Pembelajaran Berasaskan Masalah. Penambahbaikan ini dapat membantu pelajar-pelajar dalam memahami modul undang-undang perniagaan dengan lebih jelas.

1.12 RUMUSAN

Bab 1 membincangkan latar belakang kajian yang bermula dengan usaha kerajaan untuk memperkembangkan kemudahan Internet di UA dan dasar mempertingkat platform e-Pembelajaran yang sesuai dengan kehendak dan keperluan PdP. Perlaksanaan e-Kandungan asli ini adalah sesuai dengan pembangunan suatu e-Modul untuk pelajar UA. Adalah penting untuk membangunkan e-Modul daripada analisis keperluan pelajar UA sendiri. E-Modul ini juga adalah berasaskan gaya pembelajaran pelajar. Reka bentuk pengajaran yang digunakan ini dikenal pasti melalui kajian dan bukan dari produk komersil atau e-Modul luar negara.

Isu sama ada pencapaian pelajar meningkat atau menurun dengan menggunakan bahan e-Pembelajaran e-Modul tersebut boleh dinilai oleh pelajar sendiri, untuk mengenal pasti sama ada platform e-Pembelajaran yang dibangunkan benar-benar berkesan. E-Pembelajaran ini boleh mempertingkat pencapaian pelajar. Oleh itu objektif kajian ini ialah membina bahan pembelajaran dan membangunkan e-Modul Undang-undang Kontrak dengan *blogspot.com* serta mengkaji sama ada e-Modul Undang-undang Kontrak yang dibangunkan adalah berkesan untuk mempertingkat pencapaian pelajar. Antara kepentingan kajian ini adalah untuk membangunkan e-Modul yang diintegrasikan dengan gaya pembelajaran bagi

membantu pelajar yang tidak mempunyai latar belakang undang-undang dapat memahami Undang-undang Kontrak. Namun terdapat limitasi dalam pelaksanaan kajian ini iaitu hanya satu topik daripada keseluruhan silibus kursus ini sahaja yang dikaji dan responden untuk kajian terdiri daripada pelajar pra siswazah yang mengambil modul Undang-undang Kontrak di USM dan UiTM di mana kedua-dua lokasi ini terletak di Pulau Pinang.

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Bab ini meninjau perkembangan pengintegrasian teknologi dalam PdP yang membawa kepada kemunculan platform e-Pembelajaran yang membolehkan pembangunan e-Modul yang mengambil kira keperluan pelajar dan pengajar serta mempunyai ciri-ciri yang dapat menggalakkan interaksi, aktiviti dan penilaian secara talian. Memandangkan bahawa pelbagai media dan ciri-ciri elektronik boleh digunakan dalam pembangunan E-modul maka E-modul Undang-undang Kontrak dibangunkan berasaskan gaya pembelajaran pelajar dan mengambil kira teori pembelajaran yang dianggap sesuai dalam reka bentuk pengajaran seperti teori connectivism, teori pembelajaran kognitif, teori pembelajaran konstruktivisme dan teori pembelajaran behaviorisme atau tingkahlaku. Implikasi teori pembelajaran, jenis gaya pembelajaran dan model instruksional yang boleh digunakan juga dibincangkan.

2.2 PENGINTEGRASIAN TEKNOLOGI DALAM PENDIDIKAN

Pengintegrasian teknologi dalam pendidikan merupakan trend dan cabaran dalam amalan pendidikan tinggi (Guri-Rosenblit, 2005; Tsai & Chai, 2012). Pengintegrasian teknologi ialah penggunaan alat teknologi dalam pendidikan bertujuan untuk menambah keberkesanan PdP. Pada awalnya istilah 'teknologi pendidikan' digunakan untuk bermaksud penggunaan alat-alat seperti slaid filem dan projektor, makmal bahasa, radio serta televisyen dalam PdP. Dengan perkembangan teknologi yang pesat alat-alat teknologi yang digunakan dalam pendidikan pun